

NO. SOALAN : 335

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN NG WEI AIK
(TANJONG)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sama ada tindakan selanjutnya telah diambil terhadap Mohammed Rizalman Ismail yang telah dihantar balik ke Malaysia selepas ditahan di rumahnya 9 bulan di New Zealand dan adakah status beliau sebagai penjawat awam masih dikekalkan.

JAWAPAN:

Pegawai Waran Dua Muhammad Rizalman bin Ismail, bekas Staf Pembantu di Pejabat Penasihat Pertahanan Malaysia di Wellington, New Zealand telah pulang ke Malaysia pada 4 November 2016, setelah selesai menjalani hukuman tahanan rumah selama sembilan bulan mulai 4 Februari hingga 3 November 2016.

Beliau telah diberhentikan secara rasmi dalam perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) pada 19 Disember 2016.